

06 JUL 2000

Mahathir-Dagang/I

MAHATHIR GESA DIPERTINGKAT DAGANGAN M'SIA-AMERIKA LATIN

PUTRAJAYA, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia menganggap Amerika Latin dan Caribbean sebagai pasaran penting bagi produknya dan oleh itu hubungan dagangan di antara kedua-dua belah pihak harus dipertingkatkan.

Beliau berkata ini adalah selaras dengan pendirian Kuala Lumpur terhadap konsep "memakmurkan jiran kita" dan kerjasama Selatan-Selatan di kalangan negara membangun.

Bagaimanapun, beliau berkata untuk meningkatkan hubungan dagangan masalah pengangkutan perlu ditangani terlebih dahulu.

"Kita mahu membeli lebih banyak dari negara-negara Amerika Latin dan Caribbean sekiranya kita dapat menyelesaikan masalah berhubung pengangkutan," katanya pada pertemuan dengan 12 editor dan wartawan kanan dari lapan negara Amerika Selatan di sini.

Dr Mahathir berkata berbeza dengan Asia Timur yang mempunyai sistem pengangkutan yang baik termasuk pelabuhan yang efisien, negara-negara Amerika Selatan secara amnya perlu mempertingkatkan kecekapan pelabuhan mereka, dengan memberi contoh pelabuhan di negara seperti Argentina yang agak cetek.

"Kita harus bekerjasama untuk membina pelabuhan dan mengatur bagi rangkaian pengedaran dalaman (di Amerika Selatan)," katanya.

Dr Mahathir ditanya pelbagai soalan dari para wartawan seperti rahsia bagi kejayaan ekonomi Malaysia, politik dan kepimpinan, kritikan berhubung penetapan kadar ringgit, kronisme, hubungan sektor awam dan swasta, nilai-nilai Asia dan wawasannya bagi abad ke-21.

Para editor dan wartawan itu adalah dari Argentina, Bolivia, Brazil, Chile, Colombia, Guyana, Cuba dan Peru.

Mengenai kepimpinan, beliau berkata seseorang pemimpin harus diberikan masa bagi membolehkannya mencapai keputusan dan kerajaan perlu membuktikan bahawa mereka layak untuk dipilih semula.

Dalam menjelaskan hubungan sektor awam dan swasta di Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan menganggap sektor swasta sebagai rakan di dalam pembangunan negara dan jika lebih banyak syarikat berjaya, kerajaan akan dapat mengutip lebih banyak cukai.

"Kami hanya menolong mereka yang kami fikir mampu untuk mencapai keuntungan," katanya.

Katanya program penswastan kerajaan merupakan satu peluang untuk mengurangkan ketidakseimbangan di antara kaum di negara ini.

Mengenai penetapan kadar bagi ringgit, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu kenapa Malaysia dikritik kerana mengambil langkah berkenaan dalam usaha memulihkan ekonominya yang dilanda oleh krisis Asia sedangkan beberapa negara lain diketahui telah menggunakan kaedah yang sama.

Beliau memberitahu para pelawat dari Amerika Selatan itu bahawa Malaysia menentang pedagang matawang kerana aktiviti mereka menyebabkan negara ini kerugian beratus bilion ringgit daripada segi nilai matawang dan pemedalan pasaran pada kemuncak krisis itu.

Dr Mahathir berkata ini menyebabkan Malaysia tidak dapat berdagang seperti dahulu dengan negara-negara lain sebelum mengambil langkah-langkah untuk memulihkan ekonominya.

Mengenai nilai-nilai Asia, beliau berkata ia berbeza sedikit daripada nilai-nilai yang didukung Barat, yang antara lain, meletakkan hak individu mengatasi hak masyarakat.

Sambil memberi contoh buruh kanak-kanak, beliau berkata Malaysia tidak bersetuju dengan amalan itu tetapi memahami bahawa ia berlaku di beberapa negara miskin di mana semua anggota keluarga perlu bekerja untuk menyara hidup mereka.

"Jika kamu tidak suka buruh kanak-kanak, laburlah di negara-negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata berbeza dengan penduduk di rantau ini, orang di Barat lebih cenderung untuk menyatakan pendapat mereka mengenai apa yang betul dan apa yang salah.

Dr Mahathir juga berkata abad ke-21 harus dijadikan abad yang menyaksikan negara-negara kaya membantu negara-negara miskin.

-- BERNAMA

MAM AKD